

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 31 JULAI 2018 (SELASA)

SOALAN : 64

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hutang terakru kepada Malaysian Airport Holdings Bhd. Berapa jumlah hutang yang masih terhutang oleh syarikat AirAsia kepada Malaysia Airport Holdings Bhd. dan apa tindakan wajar yang akan diambil untuk menuntut hutang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (“MAHB” atau “Syarikat”) adalah merupakan sebuah syarikat awam yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”). Dalam hubungan ini, MAHB bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir yang efisien bagi memastikan kepentingan para pemegang sahamnya terpelihara. Dalam melaksanakan urus tadbir tersebut, MAHB tidak boleh mendedahkan maklumat berhubung segala hutang-piutang syarikat dan pihak lain kepadanya yang merupakan maklumat sulit bagi memelihara kepentingan syarikat tersebut.

Pada masa ini, MAHB mengendalikan lebih dari 70 syarikat penerbangan (tempatan dan antarabangsa) di Malaysia. Kesemua syarikat penerbangan ini dianggap rakan kongsi perniagaan penting kepada MAHB. MAHB dan syarikat-syarikat penerbangan ini saling berkerjasama membangunkan industri penerbangan negara yang seterusnya membawa faedah kepada ekonomi terutama sekali industri pelancongan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, MAHB secara berterusan sentiasa memantau dan memastikan syarikat-syarikat penerbangan tempatan menjelaskan tunggakan bayaran masing-masing. Pihak MAHB sering mengadakan ‘financial payment arrangements’ bagi semua syarikat yang berhutang dengan MAHB. Sehingga kini, jumlah hutang oleh semua syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa adalah terkawal.